

Pusat salur dana RM78j baiki sekolah daif di Sabah

B HARIAN 18/9/19 MS 8

17 SEPTEMBER 2019

Kota Kinabalu: Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan RM78 juta bagi melaksanakan pembaikan sekolah daif di Sabah tahun ini, dengan surat kelulusannya dikeluarkan pada 30 Ogos lalu.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata peruntukan berkenaan disasarkan memberi manfaat kepada 30 hingga 35 sekolah daif yang dikenal pasti memerlukan perhatian segera di seluruh Sabah.

Beliau berkata, peruntukan itu disalurkan berdasarkan arahan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan permintaan kerajaan negeri berhubung keperluan mendesak untuk membaiki sekolah daif di negeri ini.

"Dalam Bajet 2019, kerajaan memperuntukkan RM10 juta kepada Sabah dan ini memang tidak cukup dan ia sudah disalur untuk pembaikan kecil bagi 79 sekolah, iaitu kira-kira RM100,000 setiap sekolah.

"Atas keprihatinan kedua-dua pemimpin Pusat dan negeri, kementerian dapat cari RM78 juta untuk baiki atau ganti dan bina semula sekolah yang bangunannya bahaya dan terabai lebih 15



Guan Eng bersama Mohd Shafie pada sidang media sesi Dialog Bajet 2020 Bersama Kementerian Kewangan di Kota Kinabalu, semalam.

(Foto Edmund Samunting/BH)

tahun," katanya pada sidang media bersama Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal selepas sesi Dialog Bajet 2020 Bersama Kementerian Kewangan, di sini, semalam.

Mengulas perkara berkenaan, Mohd Shafie berkata, kerajaan negeri menghargai komitmen kerajaan Pusat dalam membantu menangani isu sekolah daif di negeri ini menerusi peruntukan yang disalurkan Kementerian Kewangan.

Peruntukan itu disasar beri manfaat kepada 30 hingga 35 sekolah daif dikenal pasti perlu perhatian segera di seluruh Sabah.

**Lim Guan Eng,
Menteri Kewangan**

"Ini sudah tentu dapat membantu kita menyediakan prasrama sekolah yang lebih baik untuk keselesaan murid dan guru, khususnya di kawasan luar bandar," katanya.

Mengenai dialog semalam, Mohd Shafie berkata, ia satu pendekatan baik untuk mendapatkan input berkaitan keperluan dan kehendak sektor perniagaan khususnya berkaitan pelancongan menerusi belanjawan negara yang akan dibentangkan pada 11 Oktober depan.

Di Kuching, sejumlah 19 projek sakit membabitkan sekolah di Sarawak dipulihkan secara berperingkat selepas berdepan pelbagai masalah hingga menjelaskan proses pembelajaran murid.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, berkata kementerian akan memastikan setiap sen wang pembayar cukai sampai ke tempat sepatutnya.

"Saya meninjau projek pembinaan bangunan tambahan membabitkan 24 bilik darjah yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) bernilai RM34 juta di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Tapang (Kuching).

"Projek yang dulunya sakit kini dipulihkan dan sudah siap 97.9 peratus dalam tempoh 18 bulan.

"Kami tidak akan berkompromi untuk projek sakit dan kementerian akan berusaha memulihkan semua projek sakit ini," katanya selepas melakukan lawatan kerja ke SMK Sungai Tapang di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pelajaran, Sains dan Teknologi Penyelidikan, Datuk Seri Michael Manyin Jawong.

Antara sekolah terjejas dengan projek sakit adalah Sekolah kebangsaan (SK) Tanjung Latap, SK Kampung Banyak, Sibu; SK Long Tengoa, SK Batu Lima, SK Kerangan, Lawas; SK Merambut, SK Long Napir, Limbang; SK Nanga Merit, Kapit dan SK Song, Song.

Maszlee berkata, kementerian mengenal pasti terlebih dahulu setiap projek yang berpotensi sebagai projek sakit sebelum melakukan proses intervensi.

Beliau berkata, proses baik pulih sekolah daif di 32 sekolah membabitkan peruntukan RM100 juta dijangka selesai pada 16 Disember ini.